

Soalan Lazim eVendor

1. Apakah sistem evendor?

Sistem pendaftaran untuk pembekal dan individu yang berurusan dengan kerajaan bagi mewujudkan data induk pembekal/individu di portal iGFMAS untuk tujuan kemudahan pembayaran bagi pembayaran yang berulang.

2. Siapakah pengguna evendor?

- A. Pembekal bagi skop bidang kerja/perunding yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan tidak termasuk dalam skop yang berdaftar dengan ePerolehan dan eBantuan. Pembekal kategori ini boleh membuat pendaftaran secara online di evendor.
- B. Pembekal bukan SSM seperti yang berdaftar dengan ROS(pertubuhan), JAKIM(masjid), SKM(koperasi), ROB(bagi Sabah/Sarawak) dan lain-lain. Pembekal kategori ini perlu membuat pendaftaran secara offline di Pejabat Perakaunan dengan mengisi Borang Pendaftaran eVENDOR dan mengemukakan bersama dokumen sokongan seperti dinyatakan dalam borang tersebut.
- C. Penerima individu iaitu Payee Non Supplier (PANS) yang tidak terlibat dengan transaksi Arahan Pembayaran Pendapatan Bercukai dan tidak didaftarkan didalam Vendor Master Data iGFMAS. Penerima kategori ini perlu membuat pendaftaran secara offline di Pejabat Perakaunan dengan mengisi Borang Pendaftaran eVENDOR dan mengemukakan bersama dokumen sokongan seperti dinyatakan dalam borang tersebut.

3. Bagaimana pendaftaran secara online bagi pembekal yang berdaftar dengan SSM?

Pendaftaran boleh dilakukan melalui url <https://evendor.anm.gov.my> dan klik pada butang DAFTAR. Sila rujuk manual pengguna yang terdapat pada url tersebut.

4. Bagaimana pendaftaran secara offline bagi pembekal yang berdaftar selain SSM?

Muat turun Borang Pendaftaran eVENDOR di url <https://evendor.anm.gov.my>
Lengkapkan borang tersebut berserta lampiran dokumen (salinan Kad Pengenalan wakil syarikat/salinan Pasport, salinan Sijil Pendaftaran dan salinan buku akaun bank/penyata bank) kepada Pejabat Perakaunan (AO) / Pusat Tanggungjawab (PTJ)

5. Saya adalah pembekal yang pernah mendaftar di eSPKB. Perlukah saya mendaftar semula di eVENDOR?

Jika anda adalah pembekal skop KERJA, anda perlu mendaftar semula di Sistem eVENDOR. Jika anda adalah pembekal skop BEKALAN & PERKHIDMATAN, anda perlu

mendaftar di ePEROLEHAN (sekiranya perlu)

6. Apakah yang perlu dilakukan oleh pendaftar yang berdaftar secara offline setelah pendaftaran telah berjaya?

Pendaftar akan menerima emel pengesahan yang mempunyai butiran id pengguna dan kata laluan daripada pihak evendor. Log masuk di url <https://evendor.anm.gov.my> menggunakan id pengguna dan kata laluan yang diterima. Pendaftar hendaklah menukar kata laluan sementara kepada kata laluan sendiri. Log keluar dan log masuk semula ke dalam sistem evendor menggunakan kata laluan yang baharu. Klik "tambah bank" di bahagian maklumat bank dan masukkan maklumat akaun bank yang berkaitan.

7. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya lupa kata laluan?

Klik "lupa kata laluan" di halaman utama sistem evendor. Masukkan emel yang telah didaftarkan untuk tujuan set semula kata laluan. Kata laluan yang baharu akan dihantar ke emel berkenaan.

8. Bagaimana pengemaskinian maklumat akaun bank bagi pembekal yang berdaftar dengan SSM dan pembekal yang berdaftar selain SSM?

Pembekal boleh melakukan pengemaskinian di bahagian maklumat bank sistem evendor.

9. Apakah tindakan yang perlu dilakukan sekiranya pembekal yang berdaftar secara offline (berdaftar selain SSM) ingin mengemaskini atau meminda sebarang maklumat utama seperti nama, nombor kad pengenalan/nombor pendaftaran syarikat, alamat dan emel dalam sistem?

Tiada sebarang pengemaskinian maklumat data dapat dilakukan oleh pembekal mahupun Pejabat Perakaunan setelah pendaftaran dilakukan. Oleh itu, pembekal perlu menghantar semula borang permohonan lengkap yang baharu ke Pejabat Perakaunan (AO) / Pusat Tanggungjawab (PTJ) bagi tujuan pendaftaran semula kerana pendaftaran yang lama akan dihapuskan.

10. Apakah tindakan yang perlu dilakukan sekiranya pembekal yang berdaftar secara online (berdaftar dengan SSM) ingin mengemaskini atau meminda sebarang maklumat utama seperti alamat dan emel dalam sistem?

Layari url <https://evendor.anm.gov.my> dan klik HUBUNGI KAMI. Lengkapkan Borang Perhubungan dan hantar. Pembekal boleh melakukan pendaftaran semula setelah pendaftaran yang lama telah dihapuskan oleh pihak ibu pejabat.